

09 FEB 1999

DR MAHATHIR UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA TANAH RUNTUH

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghantar ucapan takziah kepada keluarga mangsa tragedi tanah runtuh di Sandakan, Sabah, Ahad lepas.

Dr Mahathir yang kini berada di Jamaica kerana menghadiri persidangan kemuncak Kumpulan 15 (G-15), dalam ucapan takziah yang dihantar kepada Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok petang semalam itu menyatakan rasa sedih dan terharunya atas tragedi tersebut.

Dr Mahathir berkata beliau percaya kerajaan Sabah akan menguruskan pemindahan mereka yang masih tinggal di kawasan kejadian itu ke tempat yang lebih selamat, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Beliau juga percaya kerajaan Sabah akan memberi bantuan yang sewajarnya kepada keluarga mangsa kejadian itu.

Dalam kejadian di Kampung Gelam, dekat Sandakan, yang berlaku awal pagi Ahad lepas, tanah setinggi 50 meter runtuh menimbus empat buah rumah setinggan.

-- BERNAMA

ZKS NMO